

- Mahkamah Rendah Syariah Pedalaman Bawah di Beaufort;
- Mahkamah Rendah Syariah Sandakan di Sandakan; dan
- Mahkamah Rendah Syariah Tawau di Tawau.

Bidangkuasa Mahkamah ini :

1. Membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang boleh dihukum di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang mana hukuman maksimum yang diperuntukkan tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan baginya.
2. Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding kes mal yang mana jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.

#### SEJARAH PENUBUHAN JABATAN / MAHKAMAH

##### Penubuhan Jabatan

JAKSA ditubuhkan pada 1 Disember 1995. Penubuhan ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengasingkan pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah daripada MUIS. Mulai 1 Januari 1996, Mahkamah Syariah telah diletakkan di bawah pentadbiran dan pengurusan JAKSA. Dari segi kawalan, JAKSA diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri.

##### Penubuhan Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah di Sabah telah wujud sejak 1978 melalui Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977. Penubuhan Mahkamah ini diperbaharui di bawah Enakmen Mahkamah Syariah 1992 dimana mulai 1 Januari 1996 terdapat tiga hirarki Mahkamah Syariah iaitu Rendah, Tinggi dan Rayuan. Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 1992 telah dimansuhkan pada 1 Jun 2005 dan digantikan dengan Enakmen Mahkamah Syariah 2004 tanpa menjelaskan penubuhan dan perjalanan Mahkamah-mahkamah Syariah sedia ada di Sabah.

#### ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980


#### JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

## PROFIL JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH (JAKSA)



## ORGANISASI JAKSA

JAKSA diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah dan mempunyai dua bahagian utama iaitu:-

### Bahagian Khidmat Pengurusan:

Bahagian ini bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran, kewangan, pembangunan dan pengurusan dasar Jabatan/ Mahkamah-mahkamah Syariah. Bahagian ini adalah pusat pentadbiran Jabatan/Mahkamah berpejabat di Bandaraya Kota Kinabalu

### Bahagian Pentadbiran Kehakiman:

Bahagian ini terdiri daripada Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah

## VISI

Menjadi institusi kehakiman syariah yang berwibawa

## MISI

Melaksanakan pengadilan, pengurusan mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berdasarkan hukum syara' dan peruntukan undang-undang, untuk mencapai keredhaan Allah.

## OBJKTIF

1. Menyegerakan pengendalian kes-kes Syariah dengan adil, teratur dan berkesan;
2. Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai / kakitangan dari aspek perundungan dan pengurusan;
3. Melaksanakan dengan berkesan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pentadbiran;
4. Menyedia dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan terbaik.

## FUNGSI

1. Mengurus kes-kes mal (termasuk pembahagian harta pusaka atau faraid dan hal-hal yang berkaitan dengannya) dalam bidangkuasa dari peringkat pendaftaran, penyediaan kes, sebutan atau pra-bicara, perbicaraan, pengurusan perintah,

pelaksanaan perintah dan pengurusan rayuan;

2. Mengendalikan kes-kes jenayah Syariah dalam bidangkuasa dari peringkat pendaftaran, penyediaan kes, sebutan atau pra-bicara, perbicaraan, pengurusan perintah, pelaksanaan hukuman/perintah dan rayuan.

## PIAGAM PELANGGAN

1. Memberi perkhidmatan kaunter dengan mesra dan berinformatif.
2. Komited untuk :-
  - Mendaftarkan kes-kes yang difallkan pada hari kes itu diterima.
  - Menetapkan tarikh sebutan pertama kes pada hari yang sama kes itu didaftarkan.
  - Mendengar sebutan pertama dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas kes didaftarkan dan menyelesaikan kes itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh sebutan dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar.
  - Menyediakan alasan penghakiman tidak lewat daripada sebulan dari tarikh penghakiman diberi.
  - Mendengar rayuan kali pertama dalam masa 60 hari selepas rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu.
  - Menyebut / membincarkan sekurang-kurangnya 70% daripada kes-kes yang didaftarkan dalam setahun.
3. Berjanji akan memberi layanan samarata dan penghakiman yang adil dan saksama berdasarkan hukum syara' dan undang-undang semasa.
4. Berjanji akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima.

## BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH

### Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sabah berbidangkuasa di seluruh Negeri Sabah.

Bidangkuasa Mahkamah ini:

1. Mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidangkuasa asalnya.
2. Mengawasi perjalanan pengendalian kes Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh memanggil rekod mana-mana kes mahkamah itu dalam menjalankan bidangkuasa semakannya.

### Mahkamah Tinggi Syariah:

Terdapat hanya satu sahaja Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri ini yang berbidangkuasa di seluruh Negeri Sabah. Bidangkuasa Mahkamah ini:

1. Membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004, atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Tinggi Syariah bidangkuasa untuk membincara apa-apa kesalahan.
2. Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding kes mal dalam bidangkuasanya yang nilai perkara yang dipertikaikan melebihi tiga ratus ribu ringgit.
3. Mengawasi perjalanan prosiding kes-kes di Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah dan boleh memanggil rekod kes-kes berkenaan dalam menjalankan bidangkuasa semakannya.
4. Mendengar rayuan kes-kes Mahkamah Rendah Syariah yang dirayu ke Mahkamah Tinggi Syariah.

### Mahkamah Rendah Syariah:

Terdapat enam (6) Mahkamah Rendah Syariah di Sabah laitu:

- Mahkamah Rendah Syariah Pantai Barat di Kota Kinabalu;
- Mahkamah Rendah Syariah Kudat di Kudat;
- Mahkamah Rendah Syariah Pedalaman Atas di Keningau;